

NO. SOALAN : 265

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
(NIBONG TEBAL)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status pencapaian Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) setakat ini yang menyasarkan pembinaan 25,000 unit rumah mampu milik untuk anggota dan veteran ATM di seluruh negara menjelang 2030.

JAWAPAN:

Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) adalah suatu inisiatif dalam Teras Perumahan Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga anggota serta veteran ATM untuk memiliki rumah sendiri. Ianya dilaksanakan menerusi kerjasama dengan kerajaan negeri dan swasta serta pembangunan di atas tanah milik anggota.

Pada peringkat permulaan program, sejumlah 3,500 unit rumah kediaman di Sungai Besi telah dibuka untuk pendaftaran bermula dari 18 Disember 2017 sehingga 18 Januari 2018. Sehingga kini, jumlah pendaftaran yang diterima masih di peringkat tapisan dan projek ini dijangka dilaksanakan pada pertengahan tahun 2018. Secara keseluruhannya, permohonan yang telah diterima amat memberangsangkan dan mendapat maklum balas yang sangat menggalakkan daripada anggota dan veteran ATM. Ini menunjukkan program ini mampu membantu anggota dan veteran dalam proses pemilikan rumah sendiri seterusnya mencapai objektif yang telah digariskan.

182

Selain dari program SASaR Sungai Besi, Kementerian Pertahanan juga sedang berunding dengan pihak kerajaan negeri dan swasta bagi menjayakan program seumpama ini di beberapa lagi kawasan di Johor, Negeri Sembilan, Kedah, Melaka, Pahang serta Terengganu bagi menampung keperluan permintaan perumahan kepada warga dan veteran ATM.